

Hussein dan Dr. Mahathir dicalonkan

KUALA LUMPUR, Ahad — UMNO Bahagian Mantin, Negeri Sembilan dan Arau, Perlis dalam mesyuarat perwakilannya semalam telah mencalonkan Datuk Hussein Onn dan Dato Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Timbalan Presiden Umno Malaysia.

Kedua bahagian itu juga mencalonkan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam dan Encik Abdul Ghafar Baba sebagai Naik Presiden.

Bagi jawatan ahli Majlis Tertinggi pula UMNO Bahagian Mantin mencalonkan Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithaiddin; Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Mansor Osman; Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat; Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie; Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Tan Sri Kadir Yusoff; Timbalan Menteri Kewangan,

Puan Rafidah Aziz; Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Rais Yatim; Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Othman Abdullah; Ahli Parlimen Setapak, Haji Idris Ibrahim dan semua Ketua Perhubungan UMNO Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan dan Trengganu.

Unsur agama

Bahagian itu juga meluluskan 139 usul termasuk dua yang dibahas. Antaranya mendesak Kementerian Penerangan menghalusi dan membanyakkan tayangan gambar di talibesyen yang mencorakkan kebudayaan Malaysia serta berunsurkan agama Islam.

Ahli Dewan Undangan Kawasan Labu, Encik Sharadan Haji Hashim dipilih tanpa bertanding sebagai Ketua bahagian itu dan Timbalannya Datuk Abdul Razak Yusoff serta Naib Ketua Senator Haji Nordin Pehah.

Sementara itu, UMNO Bahagian Arau menyerahkan pencalonan bagi lain-lain ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia dibuat oleh Jawatankuasa UMNO bahagian itu.

Mesyuarat itu telah memilih ahli Parlimen kawasan Arau, Syed Hassan Syed Mohamad sebagai ketua bahagian yang baru dan timbalannya, Encik Hazim Abu Bakar ahli Dewan Undangan kawasan Kayang serta naib ketua Encik Abu Bakar Haji Ahmad.

Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Arau dan Ulu Langat telah mencalonkan Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Pemuda Bahagian Arau telah mencalonkan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Rais Yatim sebagai timbalan ketua, manakala Encik Mokhtar Hashim dicalonkan oleh Pemuda Bahagian Ulu Langat untuk jawatan yang sama.